

Strategi untuk COVID-19 Endemik Mesti Melibatkan Strategi Varian

Gabungan Kesihatan Malaysia sedar bahawa kemunculan varian adalah tidak dapat dielakkan dalam pandemik ini. Kami menggesa laporan yang bertanggungjawab daripada pihak media dan rakyat. Kami menyarankan kepada kerajaan untuk melaksanakan strategi COVID-19 endemik yang merangkumi strategi untuk varian Omicron dan varian lain.

Kami menyarankan agar:

1. Tingkatkan pengawasan genomik

Sejak kemunculan varian Omicron, Malaysia perlu meningkatkan usaha dan infrastruktur pengawasan dan penjujukan genom. Menurut GISAID (pertubuhan sukarela global untuk data genomik), Malaysia hanya melaksanakan penjujukan genomik sebanyak 0.26% daripada kesemua kes COVID-19 dalam tempoh 90 hari yang lalu, berbanding kadar 0.7-2.0% yang disarankan. Dalam konteks penjujukan genomik, Malaysia adalah lebih perlahan berbanding dengan negara membangun lain seperti Thailand, India dan Afrika Selatan. Oleh itu, kita perlu membina kapasiti penjujukan genom secara aktif melalui kerjasama inovatif antara Institut Penyelidikan Perubatan, universiti dan makmal swasta. Pengawasan varian mesti digabungkan dengan pengumpulan data "real-time" untuk memantau kesannya. Justeru, kita mesti melabur untuk mengembangkan jumlah kakitangan, pakar dan infrastruktur sistem pengawasan kita. Ini akan menyumbang kepada pembangunan teknologi dan kelengkapan baharu untuk mengesan dan bertindak balas kepada varian pada masa hadapan.

2. Memberi dos vaksin penggalak secepat mungkin

Ujian klinikal dan pengalaman dari negara lain membuktikan bahawa dos vaksin penggalak adalah berkesan terhadap varian. Kami menyambut baik keputusan kerajaan Malaysia untuk memastikan dos penggalak diberikan kepada orang ramai. Namun demikian, kami menyeru kerajaan untuk turut mengumumkan data untuk dos penggalak, termasuk semua data keselamatan mengenai Kesan Mudarat Susulan Imunisasi (AEFI), untuk membina keyakinan masyarakat terhadap keperluan dan keselamatan dos penggalak. Ketelusan data mengenai keselamatan dan AEFI dos penggalak akan meningkatkan kadar pengambilannya. Kami juga menggesa kerajaan untuk melaksanakan strategi penggalak yang mampan dan bersedia untuk menangani persoalan seperti keperluan dos-dos penggalak yang seterusnya. Kajian imunologi yang terperinci diperlukan untuk menyerlahkan bukti dan fakta klinikal untuk menyokong kesan penggalak terhadap varian seperti Omicron.

3. Melaksanakan Strategi Pengujian Kebangsaan dengan mantap

Kami mengalu-alukan pelancaran Strategi Pengujian Kebangsaan (NTS) pada 26 Nov, khususnya peralihan fokus kepada ujian "Rapid Test" dan tidak hanya bergantung kepada ujian PCR. Walaubagaimanapun, kami menggesa pelaksanaan NTS yang segera dan cekap untuk memastikan masyarakat mempunyai akses yang sama kepada ujian yang berpatutan, berkualiti dan tepat pada masanya. Kanak-kanak di bawah umur 12 yang belum layak untuk dua dos pertama vaksin dan kanak-kanak berusia 12 hingga 18 yang belum layak untuk dos penggalak buat masa sekarang harus ditawarkan ujian yang lebih kerap. NTS mesti dinilai dan diperhalusi secara berterusan seiring dengan perkembangan endemik COVID-19 dan perlu disepadukan ke dalam pangkalan data KKM untuk pengumpulan dan pemantauan data berpusat.

Sejak COVID-19 menjadi endemik, kemunculan varian baharu tidak boleh dielakkan. Malaysia memerlukan pelbagai penyelesaian untuk memastikan keselamatan Rakyat. Dos penggalak, pengawasan genomik dan Strategi Ujian Kebangsaan yang dilaksanakan dengan baik akan menyokong kesihatan awam.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

Gabungan Kesihatan Malaysia (Full Signature List on myhealthcoalition.org)

15 December 2021

Full signature list:

Organisations

1. Academy of Medicine Malaysia
2. Association of Malaysian Optometrist
3. Association of Private Hospitals of Malaysia
4. College of Surgeons Academy of Medicine of Malaysia
5. Dermatology Society of Malaysia (PDM)
6. IKRAM Health Malaysia
7. Islamic Medical Association of Malaysia
8. Lung Cancer Network of Malaysia
9. Malaysian Association for Bronchology and Interventional Pulmonology
10. Malaysian Association of Clinical Biochemists
11. Malaysian Association of Environmental Health
12. Malaysian National Society of Audiologists
13. Malaysian Nurses Association
14. Malaysian Paediatric Association
15. Malaysian Pharmacists Society
16. Malaysian Public Health Physician Association
17. Malaysian Society of Anaesthesiologists
18. Malaysian Society of Clinical Psychology
19. Malaysian Society of Intensive Care
20. Malaysian Thoracic Society
21. Medical Mythbusters Malaysia
22. Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia
23. MedTweetMy
24. Obstetrical and Gynaecological Society of Malaysia
25. Public Health Malaysia

Individuals

1. Assoc Prof Dr Uma Devi Palanisamy
2. Dato' Dr Amar Singh-HSS
3. Dr Khor Swee Kheng
4. Prof Dr Asri Said
5. Prof Dr Roslina Abdul Manap
6. Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh
7. Prof Dr Zaleha Abdullah Mahdy

Coordinated by: Dr Sean Thum, Dr Subashan Vadibeler, Mellinnda Xavier